

Samy Vellu akui kelemahan reka bentuk jejambat MRR2

BH-8/2/2006

KUALA LUMPUR: Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, mengaku wujud kelemahan pada reka bentuk jejambat Laluan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) di Kepong, dekat sini yang menyumbang kepada masalah keretakan struktur itu.

“Masalah reka bentuk ada sedikit, tetapi cuaca di negara ini memberi lebih banyak masalah kepada struktur ini,” katanya kepada pemberita selepas meninjau kerja membaik pulih jejambat itu di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kerjaraya, Datuk Ir Mohd Zin Mohamed dan Ketua Setiausaha Kementerian Kerjaraya, Datuk Syed Jamal Syed Jaafar. Taklimat kerja pembaikan diberikan Jurutera Utama Halcrow Consultants Ltd (Halcrow), Paul White.

Kerajaan menutup MRR2 di Kepong mulai Sabtu lalu bagi membolehkan kerja membaiki 31 daripada 33 tiang dan rasuk jejambat sejauh dua kilometer dijalankan. Sekitar 100,000 kenderaan menggunakan laluan itu setiap hari.

Samy Vellu berkata, walaupun faktor cuaca tempatan sudah diambil kira pada peringkat awal, keadaan

hujan dan panas selain kebocoran paip di jejambat menyumbang kepada masalah keretakan itu.

Beliau berkata, jejambat berkenaan selamat digunakan selepas tiang yang menyebabkan resapan air ke dalam rasuk dan 31 tiang jejambat berkenaan ditutup menggunakan simen kalis air.

Beliau berkata, kaedah berkenaan dicadangkan oleh syarikat pakar perunding daripada Britain, Halcrow melalui kajian makmal oleh Pakar Kimia Universiti Glasgow, Prof Bicanic.

Kaedah berkenaan katanya, bukan setakat menghalang resapan air, ma-

lah mampu mengeringkan air yang sudah memasuki rasuk dan tiang.

“Kerja menyimen kalis air ini mengambil masa sebulan. Selepas itu, kerja memasang besi pada rasuk untuk mengukuhkannya akan dijalankan. Saya akan memberi laporan kepada Perdana Menteri selepas kerja ini siap.

“Jika kerja simen kalis air ini tidak dijalankan, air dalam rasuk dan tiang akan menyebabkan masalah yang lebih besar,” katanya.

Ditanya tempoh jangkaan MRR2 selamat digunakan, Samy Vellu secara berseloroh berkata: “setiap jejambat atau jambatan kita bina dengan jangka hayat 100 tahun. Sekarang MRR2 baru lima tahun, kita ada 95 tahun lagi”.

Beliau sekali lagi menegaskan, kerajaan tidak akan membelanjakan RM18 juta bagi kerja pembaikan itu, sebaliknya ia ditanggung konsortium kontraktor yang membinanya, iaitu Bumi Hiway (M) Sdn Bhd (Bumi Hiway), Sekretariat Usahasama Kontraktor Melayu-India Malaysia (Sukmim) dan Konsortium Kontraktor Melayu (Wilayah) atau KKM yang dikenali sebagai Sukmim-Bumi Hiway-KKM (Wilayah) JV.

“Kerajaan memberi jaminan jejambat itu selamat digunakan selepas kerja membaik pulihnya siap akhir Mei depan”

S Samy Vellu
Menteri Kerjaraya